

BAB 4

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

Analisis data dalam Bab 4 ini dibahagikan kepada dua bahagian berikut:

i. Analisis Nilai-nilai kategori utama

ii. Analisis Nilai-nilai sub kategori

4.2 Nilai-nilai murni kategori utama yang ditampilkan menerusi tajuk-tajuk pelajaran teks Bahasa Cina Tahun 2 yang dapat dikenal pasti adalah seperti terkandung dalam jadual 4.1 di bawah:

Jadual 4.1: Nilai-nilai Murni Kategori Utama Yang Ditampilkan dalam Buku Teks Bahasa Cina Tahun 2

| Nilai Murni Kategori Utama | Pelajaran yang mengandungi nilai-nilai berkenaan | Kekerapan |
|-----------------------------|---|-----------|
| Baik Hati | 3, 9, 17, 18, 20, 29, 32, 36, 41, 46, 48, 55, 56, 60 | 11 |
| Berdikari | 1, 2, 34, 44, 48, 53 | 6 |
| Hormah Tinggi | 3, 12, 22, 31, 32, 33, 36, 39, 43, 47, 55, 59 | 12 |
| Hormat | 12, 15, 19, 26, 27, 28, 30, 31, 37, 38, 42, 43, 50, 54 | 14 |
| Kasih Sayang | 6, 11, 12, 18, 20, 24, 26, 29, 50 | 9 |
| Keadilan | 22 | 1 |
| Kebebasan | 30, 58, 60 | 3 |
| Keberamian | 1, 23, 32, 33, 34, 39, 42, 46, 47, 50, 52, 53, 55, 56 | 14 |
| Kebersihan Fizikal & Mental | 2, 4, 5, 7, 10, 17, 23, 24, 25, 26, 28, 30, 49, 51, 57 | 15 |
| Kejujuran | 45, 58 | 2 |
| Kerajinan | 1, 3, 4, 8, 14, 16, 18, 20, 27, 31, 42, 44, 45, 48, 57 | 15 |
| Kerjasama | 2, 8, 12, 21, 22, 23, 30, 33, 35, 37, 40, 41 | 12 |
| Kesederhanaan | 7, 13, 18, 19, 27, 29, 50, 54 | 8 |
| Kesyukuran | 1, 3, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 13, 14, 15, 16, 17, 21, 24, 25, 27, 28, 29, 31, 32, 35, 36, 43, 44, 51 | 27 |
| Semangat | Pel: 3, 5, 12, 15, 20, 22, 25, 28, 40 | 9 |
| Bermasyarakat | | |

Berdasarkan analisis jadual 4.1, dapat dirumuskan satu jadual pemeringkatan nilai-nilai murni kategori utama menurut susunan kekerapanan teks Bahasa Cina Tahun 2 seperti terkandung dalam Jadual 4.2 di bawah :

Jadual 4.2 : Pemeringkatan Nilai-nilai Murni Kategori Utama Mengikut Susunan Kekerapan Penampilan Dalam Teks Bahasa Cina Tahun 2

| Nilai-nilai Murni Kat Utama | Kekerapan | Peratus |
|-----------------------------|------------|------------|
| Kesyukuran | 27 | 16.8 |
| Kerajinan | 15 | 9.3 |
| Kebersihan Fizikal & Mental | 15 | 9.3 |
| Baik Hati | 14 | 8.7 |
| Hormat | 14 | 8.7 |
| Keberanian | 14 | 8.7 |
| Hemah Tinggi | 12 | 7.5 |
| Kerjasama | 12 | 7.5 |
| Kasih Sayang | 9 | 5.6 |
| Semangat Bermasyarakat | 9 | 5.6 |
| Kesederhanaan | 8 | 5.0 |
| Berdikari | 6 | 3.7 |
| Kebebasan | 3 | 1.8 |
| Kejujuran | 2 | 1.2 |
| Keadilan | 1 | 0.6 |
| Jumlah | 161 | 100 |

Jadual 4.2 menunjukkan kekerapan taburan penampilan nilai-nilai murni yang terdapat di dalam buku teks Bahasa Cina Tahun 2. Jadual ini telah memperlihatkan satu taburan penampilan nilai-nilai yang tidak begitu seimbang. Terdapat nilai murni (Kesyukuran) yang ditampilkan sehingga 27 kali di dalam 60 tajuk pelajaran teks Bahasa Cina Tahun 2 yang dikaji itu, iaitu hampir separuh daripada pelajaran ada mengandungi nilai murni ini. Di sebaliknya, ada pula nilai murni (Keadilan) cuma ditampilkan sekali sahaja (0.6%). Ini menunjukkan betapa tidak seimbangnya penampilan nilai-nilai murni di dalam teks yang dikaji itu.

Nilai-nilai tersebut dikelompok kepada tiga kategori seperti berikut:

- i. Kekerapan penampilan antara 0 % - 5.9 %
- ii. Kekerapan penampilan antara 6 % - 10.9 %
- iii. Kekerapan penampilan antara 11 % - 16.9 %

Terdapat 7 nilai murni yang kekerapan penampilannya tergolong di dalam kategori 0% - 5.9 % itu. Nilai-nilai murni yang terkandung di dalam kategori ini ialah:

- | | |
|----------------------------|-------|
| i. Keadilan | 0.6 % |
| ii. Kejujuran | 1.2 % |
| iii. Kebebasan | 1.9 % |
| iv. Berdikari | 3.7 % |
| v. Kesederhanaan | 5.0 % |
| vi. Semangat Bermasyarakat | 5.6 % |
| vii. Kasih Sayang | 5.6 % |

Bagi kategori kedua iaitu kekerapan penampilan antara 6 % - 10.9 % pula, terdapat juga 7 nilai murni yang terkandung di dalamnya. Nilai-nilai murni kategori ini termasuklah :

| | |
|---------------------------------|-------|
| i. Kerjasama | 7.5 % |
| ii. Hensem Tinggi | 7.5 % |
| iii. Keberanian | 8.7 % |
| iv. Hormat | 8.7 % |
| v. Baik Hati | 8.7 % |
| vi. Kebersihan Fizikal & Mental | 9.3 % |
| vii. Kerajinan | 9.3 % |

Bagi kategori ketiga iaitu yang kekerapan penampilannya di antara 11 % - 16.9 % pula, cuma terdapat satu nilai murni sahaja yang terkandung di dalam kategori ini. Nilai murni yang dimaksudkan ini ialah kesyukuran dan penampilannya adalah sebanyak 16.8%.

Jadual 4.2 menunjukkan sikap kesyukuran adalah nilai yang paling kerap dan dominan di antara nilai-nilai murni yang ditampilkan di dalam buku teks Bahasa Cina Tahun 2. Nilai kesyukuran ini ditampilkan di dalam 27 tajuk pelajaran atau sebanyak 16.8 %. Kerapnya penampilan nilai kesyukuran ini mungkin pada pendapat penulis buku teks Bahasa Cina ini perasaan dan perlakuan berterima kasih inilah merupakan nilai murni yang paling penting dan harus ditekankan agar nilai ini akan sebatik dalam hidup anak-anak kecil itu.

Sebaliknya nilai keadilan pula merupakan nilai yang amat jarang ditampilkan di dalam teks yang dikaji itu. Data menunjukkan nilai keadilan ini cuma sekali sahaja ditonjolkan iaitu di dalam Pelajaran 22. Sekiranya dibandingkan dengan nilai kesyukuran yang ditonjolkan di dalam 27 tajuk pelajaran, maka nilai keadilan ini memang boleh dikatakan amat kurang ditampilkan. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan penulis buku teks ini beranggapan nilai ini tidak begitu perlu diterapkan memandangkan pelajar-pelajar Tahun 2 masih terlalu muda untuk menghayati dan memahami nilai ini. Oleh yang demikian, nilai ini adalah lebih sesuai diterapkan apabila usia pelajar semakin meningkat. Begitu juga bagi nilai kejujuran dan nilai kebebasan yang cuma ditampilkan 2 kali dan 3 kali masing-masing.

ii. Nilai-nilai Murni Sub kategori

Ditinjau dari segi sub-sub kategori pula, taburan penampiliannya adalah seperti berikut :

4.3.1 Sub Kategori Bagi Nilai Baik Hati

Jadual 4.3 Kekerapan Penampilan Sub Kategori Nilai Baik Hati

| Sub Kategori | Pelajaran yang mengandungi nilai-nilai berkenaan | Kekerapan | Peratus |
|-----------------------|--|-----------|---------|
| Belas Kasihan | 9, 17, 29, 32, 48, 56 | 6 | 35.3 |
| Bertimbang Rasa | 8, 31, 33, 52 | 4 | 23.5 |
| Murah Hati | 9, 28, 46, 55, 60 | 5 | 29.4 |
| Saling Paham Memahami | 36 | 1 | 5.9 |
| Saling Bermaafan | 37 | 1 | 5.9 |
| Jumlah | | 17 | 100 % |

Jadual 4.3 di atas menunjukkan sub kategori belas kasihan adalah kerap sekali ditampilkan di antara lima sub kategori yang terkandung dalam nilai baik hati itu. Nilai sub kategori belas kasihan ini mempunyai kekerapan penampilan sebanyak 6 kali atau 35.3 % dan dikuti sub kategori murah hati dan bertimbang rasa yang kadar penampilan masing-masing ialah 29.4 % dan 23.5 %. Sub kategori saling faham memahami dan saling bermaafan merupakan dua sub kategori yang paling kurang ditampilkan iaitu cuma sekali sahaja penampilkannya iaitu dengan kadar 5.9 %.

4.3.2 Sub Kategori Bagi Nilai Berdikari

Jadual 4.4 : Kekerapan Penampilan Sub Kategori Nilai Berdikari

| Sub Kategori | Pelajaran yang mengandungi nilai berkenaan | Kekerapan | Peratus |
|----------------------------|--|-----------|---------|
| Berupaya Bertindak Sendiri | 1, 44, 47 | 3 | 42.9 |
| Yakin Kepada Diri Sendiri | 1, 34, 48, 53 | 4 | 57.1 |
| Jumlah | | 7 | 100 % |

Jadual 4.4 menunjukkan kekerapan penampilan dua sub kategori nilai berdikari yang terkandung di dalam buku teks Bahasa Cina Tahun 2. Kajian menunjukkan nilai berdikari telah ditampilkan dalam tujuh tajuk pelajaran. Kekerapan penampilan bagi kedua-dua sub kategori nilai ini iaitu berupaya bertindak sendiri dan yakin kepada diri sendiri adalah hampir sama iaitu tiga kali (42.9 %) bagi sub kategori berupaya bertindak sendiri dan empat kali (57.1 %) bagi sub kategori yakin kepada diri sendiri. Corak penampilan ini agak berbeza berbanding dengan nilai baik hati di mana kekerapan

penampilan jauh berbeza dengan sub kategori belas kasihan ditampil sehingga enam kali sedangkan sub kategori saling saham memahami cuma ditampil sekali sahaja.

4.3.3 Sub kategori Nilai Hemah Tinggi

Jadual (4.5): Kekerapan Penampilan Sub Kategori Nilai Hemah Tinggi

| Sub Kategori | Pelajaran yang mengandungi nilai berkenaan | Kekerapan | Peratus |
|--------------|--|-----------|---------|
| Kesopanan | 12,15,21,36 | 4 | 80 |
| Ramah mesra | :22 | 1 | 20 |
| | Jumlah | 5 | 100% |

Berbanding dengan dua nilai murni utama tersebut di atas, hemah tinggi merupakan satu nilai murni yang tidak kerap sangat ditampilkan dalam buku teks Bahasa Cina Tahun 2. Nilai ini cuma ditampilkan 5 kali sahaja dalam 60 pelajaran yang terdapat dalam buku teks Bahasa Cina Tahun 2. Ini merupakan satu keadaan yang agak menghairankan sebab nilai ini patut diterapkan ke dalam jiwa pelajar-pelajar terutama sekali pelajar-pelajar yang masih muda..

Selain daripada penampiliannya agak kurang, perbezaan dalam kekerapan penampilan itu juga berlaku. Sub kategori kesopanan ditampilkan tiga kali lebih banyak iaitu 80 %, berbanding dengan ramah mesra yang penampiliannya cuma 20% sahaja.

4.3.4 Sub Kategori Hormat

Jadual (4.6) : Kekerapan Penampilan Sub-Kategori Sikap Hormat

| Sub Kategori | Pelajaran yang mengandungi nilai berkenaan | Kekerapan | Peratus |
|--|--|-----------|---------|
| Hormat dan taat kepada ibu bapa | 19, 38, 41 | 3 | 17.6 |
| Hormat kepada ahli keluarga, orang yang lebih tua, guru, rakan, jiran tertangga dan pemimpin | 12, 15, 28, 30, 31, 38, 42, 50 | 8 | 47.0 |
| Hormat kepada institusi dan negara | 15 | 1 | 5.9 |
| Hormat kepada kepercayaan dan adat pelbagai keturunan | 37, 43 | 2 | 11.8 |
| Patuh kepada undang-undang | 54 | 1 | 5.9 |
| Penuh kepada ketepatan masa | 25, 28 | 2 | 11.8 |
| Jumlah | | 17 | 100% |

Jadual 4.6 menunjukkan taburan kekerapan sub kategori hormat yang ditampilkan di dalam buku teks Bahasa Cina Tahun 2. Antara enam sub kategori nilai hormat yang dikenal pasti ini, hormat kepada ahli keluarga, orang yang lebih tua, guru, rakan dan jiran merupakan nilai sub kategori yang paling kerap ditampilkan iaitu 8 kali (47.0%) ditampilkan. Sebaliknya sub kategori hormat kepada institusi dan negara dan patuh kepada undang-undang jarang sekali ditampilkan iaitu cuma sekali sahaja ditonjolkan. Sub kategori hormat kepada ahli keluarga, orang yang lebih tua, guru, rakan dan jiran kerap ditampilkan mungkin disebabkan menghormati orang lebih tua dan guru memang masih menjadi satu amalan dan budaya masyarakat Timur ini. Di samping itu, kerapnya

penampilan sub kategori ini mungkin juga disebabkan nilai ini harus tampil dalam banyak situasi kerana perhubungan manusia melibatkan banyak pihak.

Yang agak menghairankan ialah gejala kurang penampilan sub kategori hormat epada kepercayaan dan adat pelbagai keturunan. Di antara 60 tajuk pelajaran di dalam buku teks Bahasa Cina Tahun 2 yang diteliti itu, sub kategori ini cuma ditampilkan 2 kali sahaja, sekali di dalam Pelajaran 37 dan sekali lagi di dalam Pelajaran 43. Memandangkan negara kita merupakan Malaysia sebuah masyarakat majmuk dan perasaan muhibah amat penting demi menjaga keamanan dan ketenteraman masyarakat, maka nilai ini perlu diberi penekanan yang lebih agar pelajar-pelajar muda dapat mengamalkan sikap ini apabila dewasa nanti.

4.3.5 Sub Kategori Nilai Kasih Sayang

Jadual 4.7 : Kekerapan Penampilan Sub Kategori Kasih Sayang

| Sub Kategori | Pelajaran yang mengandungi nilai berkenaan | Kekerapan | Peratus |
|-------------------------------|--|-----------|---------|
| Sayangkan diri dan orang lain | 3, 6, 12, 19, 24 | 5 | 62.5 |
| Sayangkan alam sekeliling | 25 | 1 | 12.5 |
| Cintakan negara | 11, 50 | 2 | 25.0 |
| Jumlah | | 8 | 100 % |

Jadual 4.7 menunjukkan kekerapan penampilan sub kategori nilai kasih sayang yang terkandung di dalam teks Bahasa Cina Tahun 2. Nilai kasih sayang sepatutnya merupakan satu nilai yang penting dan harus diterapkan ke dalam jiwa anak-anak kecil namun analisis menunjukkan nilai ini tidaklah kerap sangat ditampilkan sebagaimana yang difikirkan. Dapatan kajian menunjukkan nilai ini cuma ditampilkan lapan kali sahaja.

Antara tiga sub kategori nilai kasih sayang ini, sayangkan diri sendiri dan orang lain merupakan sub kategori yang amat kerap ditonjolkan. Sub kategori ini ditonjolkan sebanyak lima kali atau 62.5 % sementara sub kategori sayangkan alam sekeliling amat jarang ditampilkan iaitu cuma sekali sahaja penonjolannya. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan penulis buku teks ini ingin membentuk dan melahirkan generasi muda yang menyayangi diri sendiri dan orang lain. Ini agak bersesuaian dengan hasrat kerajaan kita yang ingin mewujudkan sebuah masyarakat penyayang. Yang menghairankan, nilai cintakan alam sekeliling sepatutnya diterapkan ke dalam jiwa kanak-kanak cuma ditampilkan sekali sahaja.

4.3.6 Sub Kategori Sikap Keadilan

Jadual 4.8 : Kekerapan Penampilan Sub Kategori Sikap Keadilan

| Sub Kategori | Pelajaran yang mengandungi nilai berkenaan | Kekerapan | Peratus |
|--------------|--|-----------|---------|
| Adil | 41 | 1 | 33.3 |
| Saksama | 50, 51 | 2 | 66.7 |
| | Jumlah | 3 | 100% |

Jadual 4.8 menunjukkan kekerapan penampilan sikap keadilan ini. Antara nilai-nilai murni utama yang ingin ditampilkan, nilai keadilan inilah merupakan nilai yang amat kurang ditampilkan. Data terdahulu dari ini menunjukkan dalam 60 pelajaran yang terkandung di dalam buku teks Bahasa Cina, nilai keadilan cuma ditampilkan 3 kali sahaja iaitu dalam Pel. 41, 50 dan 51. Antara sub kategori nilai ini, sub kategori saksama ditampil sebanyak 2 kali atau 66.7% sementara sub kategori adil ditampilkan 1 kali atau 33.3%. Kurangnya penampilan nilai ini mungkin disebabkan nilai ini agak abstrak dan mungkin lebih sesuai ditampilkan pada usia pelajar yang lebih tua.

4.3.7 Sub Kategori Nilai Keberanian

Jadual 4.9 : Kekerapan Penampilan Sub Kategori Nilai Keberanian

| Sub Kategori | Pelajaran yang mengandungi nilai berkenaan | Kekerapan | Peratus |
|---------------------|--|-----------|--------------|
| Berani Mencuba | 1, 23, 32, 33, 34, 39, 42, 47, 52, 53, 55 | 11 | 78.6 |
| Berani Kerana Benar | 46, 50, 56 | 3 | 21.4 |
| Jumlah | | 14 | 100 % |

Jadual 4.9 menunjukkan kekerapan penonjolan sub kategori sikap keberanian. Terdapat dua sub kategori di dalam nilai keberanian iaitu berani mencuba dan berani kerana benar. Data menunjukkan nilai keberanian satu nilai yang agak kerap ditampilkan di dalam teks Bahasa Cina Tahun 2 ini iaitu 14 kali penampilkannya di dalam seluruh buku teks yang dikaji. Berani mencuba adalah nilai sub kategori yang banyak sekali ditampilkan iaitu 11 kali atau 78.6 % sementara sub kategori berani kerana benar cuma 3

kali sahaja ditampilkan atau 21.4 %. Kanak-kanak memang perlu dididik agar berani mencuba sebab mencuba merupakan langkah pertama menuju ke kejayaan. Maka mungkin ilah sebabnya sub kategori berani mencuba ini berulang-ulang ditampilkan di dalam teks yang dikaji ini. Tujuannya adalah untuk membentuk satu generasi yang berani mencuba dan tidak gentar berhadapan dengan kegagalan.

4.3.8 Sub Kategori Nilai Kebersihan Fizikal Dan Mental

Jadual 4.10 : Kekerapan Penampilan Sub Kategori Nilai Kebersihan Fizikal Dan Mental

| Sub Kategori | Pelajaran yang mengandungi nilai berkenaan | Kekerapan | Peratus |
|-------------------------|--|-----------|--------------|
| Kebersihan Diri | 4, 7, 23, 57 | 4 | 23.5 |
| Kebersihan Persekutaran | 2, 5, 8, 10, 17, 24, 26, 47, 51, 57 | 10 | 58.8 |
| Kebersihan Mental | 23, 25, 30 | 3 | 17.7 |
| Jumlah | | 17 | 100 % |

Jadual 4.10 menunjukkan kekerapan penampilan sub kategori nilai kebersihan fizikal dan mental. Berbanding dengan nilai-nilai yang tersebut di atas, nilai kebersihan fizikal dan mental merupakan satu nilai yang agak kerap ditonjolkan di dalam teks Bahasa Cina Tahun 2. Ini terbukti di mana sub kategori nilai ini ditonjolkan sebanyak 17 kali kesemuanya di dalam teks Tahun 2 ini. Antara 3 sub kategori nilai ini, kebersihan persekitaran merupakan sub kategori yang paling kerap ditonjolkan. Sub kategori ini ditampilkan sebanyak 10 kali atau 58.8 % daripada jumlah penampilan yang sebanyak 17 kali itu. Dua sub kategori yang lain iaitu sub kategori kebersihan diri dan kebersihan mental, walaupun penampiliannya tidak sekurangnya sub kategori kebersihan persekitaran,

masih boleh dikatakan kerap iaitu 4 kali (23.5 %) dan 3 kali (17.7 %) masing-masing. Kerapnya penampilan kebersihan persekitaran adalah bersesuaian dengan zaman ini di mana kerajaan kita begitu beria-ia sekali untuk menerapkan nilai ini ke dalam hidup semua lapisan masyarakat kita. Maka sebagai menyahut seruan kerajaan yang mahukan masyarakat memelihara alam sekitar, tidak hairanlah sub kategori ini ditekankan agar nilai ini sebatи dengan hidup anak-anak kecil dan mempraktikkannya di dalam hidup mereka.

4.3.9 Sub Kategori Nilai Kejujuran

Jadual 4.11 : Kekerapan Penampilan Sub Kategori Kejujuran

| Sub Kategori | Pelajaran yang mengandungi nilai berkenaan | Kekerapan | Peratus |
|----------------|--|-----------|---------|
| Amanah | 10 | 1 | 25 |
| Bercakap Benar | 58 | 1 | 25 |
| Ikhlas | 43, 45 | 2 | 50 |
| Jumlah | | 4 | 100 % |

Jadual 4.11 menunjukkan kekerapan penampilan sub kategori nilai kejujuran. Daripada jadual di atas, dapat disimpulkan nilai kejujuran ini tidak begitu ditekankan sebab penampilannya juga tidak kerap sangat, cuma empat kali sahaja penampilannya di dalam teks Bahasa Cina yang dikaji itu. Di samping itu, penampilan sub-sub kategori nilai kejujuran juga agak seimbang di mana sub kategori ikhlas ditampilkan dua kali semestara sub kategori amanah dan bercakap benar masing-masing ditampilkan sekali sahaja.

4.3.10 Sub Kategori Nilai Kerajinan

Jadual 4.12 : Kekerapan Penampilan Sub Kategori Nilai Kerajinan

| Sub Kategori | Pelajaran yang mengandungi nilai berkenaan | Kekerapan | Peratus |
|---------------|---|-----------|--------------|
| Daya Usaha | 1, 3, 4, 8, 14, 16, 18, 20, 21, 27, 31, 42, 44, 45, 48, 57 | 16 | 88.9 |
| Dedikasi | 8, 35 | 2 | 11.1 |
| Jumlah | | 18 | 100 % |

Jadual 4.12 menunjukkan kekerapan penampilan sub kategori nilai kerajinan yang ditampilkan di dalam teks Bahasa Cina Tahun 2. Data menunjukkan nilai kerajinan merupakan satu nilai yang agak kerap ditampilkan di dalam teks yang dikaji itu. Cuma terdapat dua sub kategori nilai kerajinan sahaja iaitu daya usaha dan dedikasi. Data dalam Jadual 4.13 menunjukkan dua sub kategori ini agak berbezanya kekerapan penampiliannya. Sub kategori daya usaha merupakan sub kategori yang paling kerap ditonjolkan iaitu sebanyak 16 kali (88.9 %) sementara sub kategori dedikasi cuma ditonjolkan sebanyak dua kali atau 11.1 % sahaja.

Kerapnya penonjolan nilai kerajinan ini tidaklah menghairankan sebab sifat kerajinan memang satu sifat yang amat dipentingkan oleh masyarakat Cina. Kaum Tionghua sering mendidik anak-anak mereka agar bersikap rajin sebab pepatah Melayu pun ada menyatakan "rajin dan usaha tangga kejayaan". Oleh yang demikian, tidaklah menghairankan didapati sub kategori daya usaha begitu kerap ditonjolkan di dalam teks Bahasa Cina Tahun 2 ini.

4.3.11 Sub Kategori Kerjasama

Jadual 4.13 : Kekerapan Penampilan Sub Kategori Nilai Kerjasama

| Sub Kategori | Pelajaran yang mengandungi nilai berkenaan | Kekerapan | Peratus |
|---------------|--|-----------|--------------|
| Gotong Royong | 2, 20, 28, 30, 40 | 5 | 38.4 |
| Toleransi | 15, 37, 41, 50 | 4 | 30.5 |
| Perpaduan | 22, 33, 35, 37 | 4 | 30.8 |
| Jumlah | | 13 | 100 % |

Jadual 4.13 menunjukkan kekerapan penonjolan sub-sub kategori nilai kerjasama di dalam teks Bahasa Cina Tahun 2. Terdapat tiga sub kategori nilai kerjasama iaitu gotong royong, toleransi dan perpaduan. Penampilan ketiga-tiga sub kategori ini dilakukan dengan agak seimbang. Sub kategori gotong royong merupakan sub kategori yang lebih kerap ditampilkan berbanding dengan dua sub kategori yang lain iaitu ditampilkan sebanyak 5 kali (38.4 %) berbanding dengan dua sub kategori yang lain iaitu toleransi dan perpaduan sama-sama ditampilkan sebanyak 4 kali (30.8 %).

Bekerjasama dan bekerja bersama-sama adalah satu sifat yang penting di dalam masyarakat Malaysia, tidak kira bagi apa juu kaum, baik kaum Melayu ataupun kaum Cina. Pepatah Melayu ‘Bulat air kerana pembetung, bulat masyarakat kerana bergotong royong’ jelas memperlihatkan kepada kita betapa pentingnya sifat kerjasama ini dalam masyarakat kita. Walaupun masyarakat kita tidaklah macam masyarakat zaman lampau, namun nilai ini tetap diamalkan dan dipertahankan. Oleh yang demikian, tidaklah begitu menghairankan nilai ini ditampilkan dengan agak kerap ini.

4.3.12 Sub Kategori Nilai Kesederhanaan

Jadual 4.14 : Kekerapan Penampilan Sub Kategori Nilai Kesederhanaan

| Sub Kategori | Pelajaran yang mengandungi nilai berkenaan | Kekerapan | Peratus |
|--|--|-----------|---------|
| Pertuturan dan Perlakuan Yang Sederhana | 7, 19, 29, 50 | 4 | 66.7 |
| Sederhana Dalam Menimbangkan kepentingan Diri dan Kepentingan Orang Lain | 18, 54 | 2 | 33.3 |
| | Jumlah | 6 | 100 % |

Jadual 4.14 menunjukkan kekerapan penampilan sub-sub kategori nilai kesederhanaan. Cuma terdapat dua sub kategori dalam nilai kesederhanaan sahaja iaitu sub kategori pertuturan dan perlakuan yang sederhana dan sub kategori sederhana dalam menimbangkan kepentingan diri dan kepentingan orang lain. Walaupun nilai kesederhanaan satu nilai yang penting dalam hidup masyarakat Timur, penampilan nilai ini di dalam teks Bahasa Cina Tahun 2 ini tidak dapat meneerminkan keadaan ini sebab nilai ini cuma ditampilkan 6 kali sahaja di mana sub kategori pertuturan dan perlakuan yang sederhana ditampilkan 4 kali (66.7 %) dan sederhana dalam menimbangkan kepentingan diri dan orang lain ditampilkan 2 kali (33.3 %) sahaja.

4.3.13 Sub Kategori Nilai Semangat Bermasyarakat

Jadual 4.15 : Kekerapan Penampilan Sub Kategori Nilai Semangat Bermasyarakat

| Sub Kategori | Pelajaran yang mengandungi nilai berkenaan | Kekerapan | Peratus |
|---|--|-----------|---------|
| Bermuafakat | 3, 20, 25, 37 | 4 | 40 |
| Kejiranran | 5, 12, 40, 41 | 4 | 40 |
| Peka Terhadap Isu-isu Sosial Dalam Masyarakat | 22, 59 | 2 | 20 |
| Jumlah | | 10 | 100 % |

Jadual 4.15 menunjukkan kekerapan penampilan sub kategori nilai semangat bermasyarakat di dalam teks Bahasa Cina Tahun 2. Terdapat tiga sub kategori di dalam nilai semangat bermasyarakat iaitu bermuafakat, kejiranran dan peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat. Berbanding dengan nilai-nilai lain yang ditampilkan di dalam teks Bahasa Cina Tahun 2 ini, nilai semangat bermasyarakat merupakan nilai yang sederhana penampiliannya iaitu tidak terlalu kerap sebagaimana nilai kesyukuran dan juga tidak terlalu jarang sebagaimana nilai kejujuran yang cuma ditampilkan sebanyak empat kali sahaja. Jumlah penampilan nilai ini adalah sebanyak 10 kali kesemuanya. Antara tiga sub kategori nilai semangat bermasyarakat ini, sub kategori bermuafakat dan kejiranran adalah yang lebih kerap ditonjolkan iaitu 4 kali penonjolannya sementara sub kategori peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat ditampilkan 2 kali (20%).

Berdasarkan penonjolan sub kategori nilai semangat bermasyarakat yang diperlihatkan di dalam jadual 4.15 itu dapat dikatakan secara kasarnya kekerapan penonjolan nilai ini memang bersesuaian dan wajar. Ini adalah disebabkan nilai bermasyarakat ini penting dan harus diterapkan ke dalam jiwa kanak-kanak agar sebat dengan hidup mereka nanti.

4.4 . Rumusan Penampilan Sub Kategori Utama

Berpandukan Jadual 4.1 hingga Jadual 4.15 dapat dirumuskan satu jadual bersepada untuk menunjukkan kekerapan penampilan sub kategori nilai daripada keseluruhan teks Bahasa Cina Tahun 2 yang dikaji ini. Rumusan ini adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.16 berikut :

Jadual 4.16 : Kekerapan Penampilan Sub-sub Kategori Bagi Teks Bahasa Cina Tahun 2

| Kategori Utama | Sub Kategori | Kekerapan | Peratus |
|--------------------|-----------------------|-----------|---------|
| I. Nilai Baik Hati | Belas Kasihan | 6 | 3.6 |
| | Bertimbang Rasa | 4 | 2.4 |
| | Murah Hati | 5 | 3.0 |
| | Saling Faham Memahami | 1 | 0.6 |
| | Saling Bermaafan | 1 | 0.6 |

(Sambungan Jadual 4.16)

| Kategori Utama | Sub Kategori | Kekerapan | Peratus |
|-----------------------|---|-----------|---------|
| 2. Nilai Berdikari | Berupaya Bertindak Sendiri | 3 | 1.8 |
| | Yakin Kepada Diri Sendiri | 4 | 2.4 |
| 3. Nilai Hemah Tinggi | Kesopanan | 4 | 2.4 |
| | Ramah Mesra | 1 | 0.6 |
| 4. Nilai Hormat | Hormat dan Taat Kepada Ibu Bapa | 3 | 1.8 |
| | Hormat Kepada Ahli Keluarga, Orang Yang Lebih Tua | 8 | 4.7 |
| | Hormat Kepada Institusi dan Negara | 1 | 0.6 |
| | Hormat Kepada Kepercayaan dan Adat Pelbagai Kaum | 2 | 1.2 |
| | Patuh Kepada Undang-undang | 1 | 0.6 |
| 5. Nilai Kasih Sayang | Patuh Kepada Ketepatan Masa | 2 | 1.2 |
| | Sayangkan Diri Sendiri dan orang | 5 | 3.0 |
| | Sayangkan Alam Sekeliling | 1 | 0.6 |
| | Cintakan Negara | 2 | 1.2 |

(Sambungan Jadual 4.16)

| Kategori Utama | Sub Kategori | Kekerapan | Peratus |
|--|---------------------------------|-----------|---------|
| 6. Nilai Keadilan | Adil | 1 | 0.6 |
| | Saksama | 2 | 1.2 |
| 7. Nilai Kebebasan | Kebebasan Di Sisi Undang-undang | 3 | 1.8 |
| 8. Nilai Keberanian | Berani Mencuba | 11 | 6.5 |
| | Berani Kerana Benar | 3 | 1.8 |
| 9. Nilai Kebersihan Fizikal dan Mental | Kebersihan Diri | 4 | 2.4 |
| | Kebersihan Persekutaran | 10 | 5.9 |
| | Kebersihan Mental | 3 | 1.8 |
| 10. Nilai Kejujuran | Amanah | 1 | 0.6 |
| | Bercakap Benar | 1 | 0.6 |
| | Ikhlas | 2 | 1.2 |
| 11. Nilai Kerajinan | Daya Usaha | 16 | 9.5 |
| | Dedikasi | 2 | 1.2 |
| 12. Nilai Kerjasama | Gotong Royong | 5 | 3.0 |
| | Toleransi | 4 | 2.4 |
| | Perpaduan | 4 | 2.4 |

(Sambungan Jadual 4.16)

| Kategori Utama | Sub Kategori | Kekerapan | Peratus |
|----------------------------------|--|-----------|---------|
| 13. Nilai Kesederhanaan | Pertuturan dan Perlakuan Yang Sederhana | 4 | 2.4 |
| | Sederhana Dalam Menimbangkan Kepentingan Diri dan Orang Lain | 2 | 1.2 |
| 14. Nilai Semangat Bermasyarakat | Bermuafakat | 4 | 2.4 |
| | Kejiraninan | 4 | 2.4 |
| | Peka Terhadap Isu-isu Sosial Dalam Masyarakat | 2 | 1.2 |
| Jumlah | | 169 | 100 % |

Jadual 4.16 menunjukkan sub kategori daya usaha merupakan sub kategori yang paling kerap ditampilkan di dalam teks Bahasa Cina Tahun 2. Sub kategori ini ditampilkan sebanyak 16 kali kesemuanya atau 9.5%. Sub-sub kategori amanah, saling saham memahami, saling bermaafan, ramah mesra, hormat kepada institusi dan negara, jatuh kepada undang-undang, sayangkan alam sekeliling, adil dan bercakap benar, pula merupakan sub-sub kategori yang paling jarang ditampilkan iaitu cuma ditampilkan sekali sahaja di dalam buku teks yang dikaji itu..